



Ruj Kami : ANM.SEL.A.400-1/3/15-2JLD.2( 1 )  
Tarikh : 19 Februari 2024

**Ketua Jabatan  
Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Selangor**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA  
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN  
KEWANGAN 2023 - PENUTUPAN AKHIR**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, semua Kementerian perlu menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Pra-peralihan Tahun 2023 bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Berikutan itu, Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan bagi penutupan akhir tahun 2023 hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Akaun Kementerian melalui Pejabat Perakaunan masing-masing bagi menyokong PKKP Pra-peralihan Tahun 2023.

3. Sehubungan itu, semua PTJ Membayar di bawah seliaan JANM Negeri Selangor perlu menyedia dan mengemukakan pengesahan baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut format yang telah ditetapkan. Panduan bagi penyediaan pengesahan baki adalah seperti di Lampiran A. **Pengesahan baki ini hendaklah dikemukakan sebanyak empat (4) dokumen kepada JANM Negeri Selangor selewat-lewatnya pada hari Jumaat, 01 Mac 2024.**

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M), CPA(M), CPFA(UK))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel.: 03 5520 5201

E-mel: [pneg\\_sgr@anm.gov.my](mailto:pneg_sgr@anm.gov.my)

Dewi/Drive-Kertas Kerja Sokongan-KKS Akruan 2023-Akhir

